


► Menulis

Edit dan sunting kesalahan bahasa yang bercetak tebal dalam petikan di bawah ini tanpa mengubah maksud asalnya. **SP 3.7.1**



Media cetak menghadapi masalah kekurangan pembaca setelah alatan elektronik digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat. Jualan **surat akhbar** harian dan majalah yang bercetak mengalami **keturunan** yang sangat ketara.

Sebelum tahun 2000-an, jualan akhbar-akhbar mega di negara kita sangat menggalakkan. Hal ini disebabkan **para-pa pembeli** menjadikan bahan-bahan bercetak ini sebagai sumber ilmu dan **rujukkan**. Namun begitu, kesan **dari** sambutan yang tidak menggalakkan daripada pembeli, peluang pekerjaan dalam bidang ini juga semakin berkurangan. Terdapat akhbar dan majalah yang dihentikan operasinya serta dikurangkan jumlah pengeluaran bahan bacaannya.

Media elektronik yang **mengambilalih** sumber maklumat terkini mesti dijadikan wadah untuk menimba ilmu pengetahuan. Oleh itu, generasi hari ini mestilah bersedia menerima perubahan dari masa ke masa.

(A) Kamus Mini

1. mega – sangat besar atau hebat (berkenaan projek atau jualan)
2. menggalakkan – memberikan semangat atau dorongan supaya terus maju
3. operasi – kegiatan yang dilakukan oleh syarikat perniagaan atau perusahaan
4. wadah – alat, asas, medan, saluran untuk melakukan atau menyampaikan sesuatu

Kesalahan Bahasa	Pembetulan
1 surat akhbar	
2 keturunan	
3 para-pa pembeli	
4 rujukkan	
5 dari	
6 mengambilalih	